



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KENYATAAN MEDIA

PENGLIBATAN AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI UNTUK MEMBANTU MANGSA BANJIR PANTAI TIMUR

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jawatankuasa Koordinasi Penguatkuasaan Bersepadu (JKPB) telah bergerak secara bersepadu dalam menghadapi dan membantu mangsa banjir yang sedang melanda negara pada masa ini. Tugas dan tanggungjawab KDN melalui JKPB ini yang diketuai oleh pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah berpandukan kepada Arahan Majlis Keselamatan Negara No.20 (Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara).

PDRM dibantu oleh Jabatan dan Agensi di bawah KDN yang lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pendaftaran Negara dan Agensi Antidadah Kebangsaan.

Seramai 683 pegawai dan anggota polis dari 3 kontinjen (Pahang, Terengganu dan Kelantan) telah diatur gerak bagi bantuan operasi banjir. Bagi tujuan ini, sebanyak 1,257 aset kenderaan dan peralatan kecemasan PDRM telah diaturgerak termasuk 52 buah bot, 31 buah van, 108 buah kenderaan pacuan empat roda dan 42 buah lori.

Manakala seramai 1,343 anggota RELA dikerahkan untuk membantu mangsa banjir di 2 buah negeri (Kelantan dan Terengganu) dan ditugaskan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Sebanyak 17 aset kenderaan RELA Malaysia telah diaturgerak melibatkan 3 buah lori, 10 buah kenderaan pacuan empat roda dan 3 buah van.

APMM turut bersedia sedia dengan kekuatan anggota seramai 59 di negeri-negeri yang terbabit dengan bencana banjir. Sebanyak 4 buah aset darat turut diatur gerak termasuk lori dan kenderaan pacuan 4 roda. Jabatan Imigresen Malaysia bersedia dengan aset kenderaan termasuk lori dan bas. Manakala Jabatan Penjara Malaysia juga siap sedia untuk menggembeleng sumber manusia bagi misi pasca banjir di kedua-dua negeri yang terjejas.

Memandangkan kesan banjir ini menyebabkan kemusnahan dokumen-dokumen termasuk dokumen-dokumen penting seperti kad pengenalan dan passport, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen Malaysia akan menyediakan perkhidmatan penggantian kad pengenalan dan passport secara percuma kepada semua mangsa banjir. Perkhidmatan penggantian kad pengenalan, sijil kelahiran dan dokumen lain yang berkaitan akan turut disediakan melalui *mobile bus* di kawasan-kawasan yang terkesan.

Pihak KDN ingin mengingatkan orang ramai supaya patuh kepada arahan pihak berkuasa bagi melancarkan operasi bantuan dan menyelamatkan mangsa-mangsa banjir. KDN sentiasa komited dalam memantau dan memberi bantuan kepada mana-mana pihak yang memerlukan bantuan kecemasan semasa bencana banjir. Untuk sebarang maklumat berhubung situasi banjir boleh menghubungi **Pusat Kawalan Malaysia (MCC) PDRM di talian 03-22663333 / 03-2266 3444 / 03-2266 3451 atau talian MERS 999.**

Kementerian Dalam Negeri

3 Mac 2022